

Sahutan Regionalisme dalam Identiti Senibina di Malaysia: Adaptasi Awal Tradisi Modenisme 1950-1980

Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, Gurupiah Mursib

Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM), Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor.

ABSTRAK *Regionalisme merupakan pendekatan yang mempunyai potensi besar dalam menangani kemelut wacana identiti yang sering terperangkap dalam pendekatan etno-centric. Sebagai negara berbilang kaum, tradisi regionalisme memberi laluan khusus bagi suatu arah yang menjanjikan seni bina berasaskan iklim setempat, universal, dinamik dan mempunyai imej serumpun kedaerahan. Apa yang menyedihkan masa kini adalah persepsi bahawa modenisme dalam seni bina sebagai 'terkubur' dan pendekatan 'state-of-the-art' adalah strukturalisme mesin atau revivalisme eksotik.*

Sebagai wacana permulaan untuk mendekati diri kepada penyelesaian isu identiti seni bina nasional yang lebih bersifat liberal, progresif dan non-etnik, rencana ini mengenengahkan beberapa adaptasi awal tradisi modernisme di Malaysia dengan mengfokus pendekatan regionalisma yang berakar umbi dari pendekatan seni bina organik Frank Lloyd Wright. Usaha ini merupakan dokumentasi dan deskripsi ringkas secara tinjauan meluas wacana regionalisme asal dan eksperimentasi arkitek pada tiga dekad antara 1950-1980.

Pengenalan

Senario seni bina pada tahun 1950-an, 1960-an dan 1970-an yang berkaitan dengan isu seni bina kebangsaan banyak berkisar pada dua prinsip reka bentuk seni bina. Prinsip pertama boleh disifatkan sebagai suatu kaedah reka bentuk fungsionalis kedaerahan, manakala prinsip reka bentuk kedua berasaskan adaptasi seni bina regionalisme-organik yang mengambilkira tradisi vernakular tradisi. Prinsip reka bentuk pertama masih berpaut-kuat pada falsafah seni bina fungsionalis dan estetik mesin. Bangunan dianggap sebagai alat atau mesin yang menjadi penapis iklim setempat bagi menghasilkan persekitaran dalaman yang bersesuaian dengan cuaca dan aktiviti manusia. Bangunan seperti ini tidak menggunakan apa-apa imej warisan,

tetapi bersifat sebagai sebuah jentera penapis cuaca bagi keselesaan fizik manusia. Prinsip ini hanya mementingkan penyelesaian masalah berkait dengan iklim dan teknologinya serta penghasilannya adalah imej atau bahasa seni bina kedaerahan tropika.

Prinsip reka bentuk kedua secara langsung mengiktiraf kepentingan warisan seni bina tradisional sebagai landasan untuk mengolah bahasa seni bina yang beridentiti semangat kebangsaan. Prinsip ini boleh pula dibahagikan kepada tiga bahagian: kaedah kebangkitan semula atau revivalisme, kaedah eklektik, dan kaedah adaptasi regionalisme-organik. Kaedah pertama, yang paling mudah hanya membesarkan model seni bina rumah atau istana (seperti Bank Bumiputra, Dewan Pusat Dagangan Dunia Putra, Muzium Losong dan Kompleks Kota Darul Naim). Kaedah kedua merupakan cara penggabungan bahasa seni bina, terutama bahasa seni bina klasik dan moden, nyata menggabungkan unsur seni bina klasik Barat dengan unsur utama seni bina vernakular iaitu bumbung tradisi (Muzium Negara, Graha Makmur, dan Puncak Bangsar). Kedua-dua pendekatan ini tidak mempunyai ciri-ciri dinamik dan progresif. Bangunan Masjid Negara merupakan contoh baik penggabungan ciri moden dan seni bina warisan setempat dan tergolong dalam definisi pendekatan regionalisme-organik. Kedua-dua bangunan ini masih berpegang pada prinsip fungsionalisme dengan penggunaan sistem kerangka yang kontemporari dan kewujudan unsur vernakular setempat seperti penapis sinaran matahari.

Rencana ini membincangkan adaptasi awal tradisi modernisme di Malaysia dari 1950 hingga 1980 dengan menfokus kepada pendekatan regionalisma yang berakar umbi dari pendekatan seni bina Organik Frank Lloyd Wright sebagai wacana permulaan untuk mendekati diri kepada penyelesaian isu identiti seni bina nasional yang lebih bersifat liberal, progresif dan non-etnik.

Krisis Modernisme Setempat

Kepelbagaian bahasa seni bina di Malaysia menggambarkan ketiadaan prinsip menyeluruh yang dapat menjawab persoalan hala tuju seni bina negara kita. Kewujudan bahawasa seni bina eksotik seperti Sunway Pyramid dan kompleks komersil seperti seni bina Moghul di Malaysia menunjukkan betapa runcingnya

masalah integriti seni bina. Ketandusan ilmu mengkritik dan mendokumentasi sejarah seni bina di Malaysia telah mengakibatkan penghasilan seni bina tiruan yang berleluasa.

Perkara ini berlaku kerana arkitek Malaysia melalui satu kejutan budaya yang mendadak yang tidak memberi masa adaptasi yang lama. Kesenambungan seni bina tradisi telah terputus dengan kelahiran seni bina kolonial yang mempunyai potensi lain bagi menjawab persoalan identiti dan kesesuaian reka bentuk. Apabila arkitek pulang dari belajar di luar negara pada tahun 1950-an, mereka hanya mempunyai masa kurang daripada 20 tahun untuk memantapkan kaedah reka bentuk yang sesuai untuk Malaysia. Belum sempat matang dalam potensi seni bina modenisme, pascamodenisme mula menular dengan aneka bahasa seni binanya. Klien dan arkitek terus menelan 'fahaman baru' ini tanpa mengetahui secara mendalam asal usul perubahan serta kesesuaian falsafah baru itu dalam konteks Malaysia. Kekurangan bahan ilmiah tentang seni bina oleh institusi pengajian tinggi (IPT) adalah asas utama ketandusan ilmu tentang prinsip estetika di Malaysia. Sehingga kini, IPT masih tidak dapat menyumbang dengan mantap kepada perbincangan serius tentang perkara ini.

Di Eropah, pergolakan pemikiran politik, saintifik, dan falsafah telah menggerakkan seniman menghasilkan seni bina yang inovatif yang secocok dengan kehendak sosiopolitik masing-masing. Malaysia tidak pernah melalui pergolakan sedemikian. Malaysia hanya menerima produk akhir falsafah itu dari segi bentuk bangunan. Oleh sebab itu tiada banyak perubahan selain reka bentuk luaran yang dapat kita buat. Golongan akademik dan arkitek kini perlu melihat kembali dengan prihatin pergolakan di Barat ini yang telah berlaku 100 tahun dahulu. Walaupun ia berlaku pada zaman silam, beberapa persoalan yang ditimbulkan pada masa itu mungkin relevan bagi kita pada masa sekarang. Kita melalui suatu tahap yang hampir sama dan kita boleh membuat keputusan yang baik bagaimana mengorak langkah ke hadapan seandainya kita tahu hasil langkah tersebut daripada kajian sejarah perbandingan negara.

Dua Teori Modernisme

Falsafah modernisme telah menghasilkan dua teori penting, teori organik serta teori fungsi dan rupa bentuk. Kedua-dua teori ini amat relevan dengan perkembangan seni bina di negara kita. Beberapa aspek teori ini boleh dijadikan asas membentuk seni bina yang lebih sesuai dengan alam persekitaran dan budaya di Malaysia. Frank Lloyd Wright, tokoh terkenal yang membuahkan idea ini menggunakan kombinasi asas rasionalis dan romantik dalam gagasan seni bina organik. Beliau melihat kesesuaian unsur alam semula jadi diterapkan dalam seni bina.

Teori fungsi dan rupa bentuk penting sebagai landasan utama seni bina modernisme. Kebanyakan bangunan berwarna kelabu dan putih di Kuala Lumpur yang dibina antara tahun 1950 hingga tahun 1970 adalah berasaskan teori fungsi dan rupabentuk yang berakar umbi pada akhir kurun ke-19. Louis Sullivan yang mencadangkan gagasan estetik berdasarkan prinsip pendedahan fungsi dalam rupa bentuk lebih mengkhususkan bahasa seni bina kepada bangunan tinggi. Beliau berpendapat bangunan tinggi perlu mempunyai tiga pembahagian, peringkat asas, peringkat tengah, dan atas. Peringkat asas adalah tingkat bawahan yang lebih banyak dikunjungi oleh orang awam. Ekspresinya perlu mempunyai tingkap yang luas dan berhiasan penuh. Peringkat tengah perlu mempunyai tingkap yang tidak sebesar yang di bawah, tetapi mempunyai bentuk meninggi mengikut ekspresi tiang kerangka utama. Bahagian atas bangunan yang mengandungi peralatan kemudahan bangunan perlu diberi ekspresi berbeza sebagai "penutup" atau "topi" bangunan. Sullivan juga mempamerkan kaedah penggunaan perhiasan pada bangunan.

Arkitek Jerman menolak penggunaan perhiasan pada bangunan dan pembahagian tiga peringkat bangunan.¹ Mereka tidak percaya pada prinsip formalisme yang mengutamakan imej bangunan daripada fungsi bangunan. Le Corbusier telah mengemukakan prinsip estetik mesin dan mencadangkan bangunan seperti rumah direka bentuk seperti mesin kediaman. Fungsi kediaman perlu dianalisis satu persatu agar budaya ruang dan perabot disesuaikan dengan corak kehidupan. Terdapat juga gagasan pemikiran tentang fungsi kekal bangunan moden yang terpaksa menampung pelbagai fungsi yang berbeza. Misalnya, sebuah pencakar langit pada suatu ketika berfungsi sebagai bangunan pejabat, tetapi fungsi ini mungkin bertukar

kepada fungsi komersil atau tempat kediaman. Cara terbaik untuk mengatasi masalah fungsi ini adalah dengan mengamalkan reka bentuk strukturalisme. Strukturalisme mengkhusus kepada reka bentuk kerangka yang paling sofistikated untuk menampung ruang yang tiada bertiang agar perubahan bilik dengan dinding sementara dapat dilakukan sewenang-wenangnya. Persoalan estetika akan terjawab dengan sendirinya tanpa penambahan perhiasan atau apa-apa komposisi tradisional.

Golongan moden seperti Wright dan Sullivan amat peka tentang fungsionalisme; pertama tentang fungsi dan kedua tentang teknologi jiwa sezaman. Fungsi bangunan adalah jiwa seni bina yang sepatutnya menentukan perancangan ruang dan rupa bentuk. Golongan moden berpegang teguh pada tanggapan bahawa hanya dengan mengenali aktiviti dan corak kehidupan masa kini dan masa hadapan sahajalah sesebuah bangunan akan berjaya direka bentuk dengan baik.

Perlunya Adaptasi Setempat

Di Malaysia, kita perlu banyak mempersoalkan fungsi tradisional setiap bangunan kerana kita mewarisi bangunan lama tempatan dan bangunan yang diprototaip dari Barat. Kita perlu menyoal semula konsep kehidupan, pekerjaan, rekreasi, persekolahan, ibadat supaya kita dapat memahami corak kehidupan dan keperluan kini serta juga mempunyai visi yang jelas tentang corak itu pada masa hadapan. Dalam pendidikan seni bina, terlalu banyak masa diperuntukkan kepada seni dan teknologi bangunan tanpa masa merasionalkan corak kehidupan dalam bangunan tersebut. Produk akhir graduan seni bina merupakan orang yang boleh membina bangunan, tidak boleh membina kehidupan.

Gagasan ini juga menyentuh teknologi terkini dan konsep strukturalisme dalam memaparkan imej jiwa sezaman. Prinsip ini berteraskan fahaman bahawa sesuatu binaan perlu dibina dengan menggunakan teknologi terkini yang dapat menjimatkan kos pembinaan dan memaparkan rupa bentuk strukturalis semata-mata sebagai bangunan teknologi tinggi atau yang dikatakan mempunyai "jiwa sezaman". Tetapi lama-kelamaan sikap rasionalis ini diambil alih oleh arkitek yang bersikap romantis.

Kita boleh memadukan rupa bentuk tradisional dalam interpretasi kerangka terkini. Jika bentuk bumbung seni bina tradisional merupakan simbol yang penting, ia masih boleh diekspresi dengan menggunakan sistem struktur terkini. Dengan cara ini, kita mungkin dapat menghasilkan rupa bentuk yang baru yang berlandaskan warisan kita dan memaparkan aspirasi progresif masyarakat Malaysia. Cetusan idea romantik dan rasionalis perlu ada bagi mewujudkan bukan sahaja hasil senibina, tetapi yang sesuai dengan budaya hidup dan aspirasi rakyat Malaysia.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Sentimen ide romantik kepada budaya masyarakat kaum asal telah bermula seawal Malaysia menyambut kemerdekaan menerusi Kongres Asas Kebudayaan Negeri Melaka 1957 yang majoriti dihadiri oleh penggubal polisi, ahli akademik, arkitek, karyawan, budayawan nasionalis Melayu membicarakan kearah pembentukan kebudayaan kebangsaan. Pergolakan politik perkauman yang memuncak pada 13 Mei 1969 mendorong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 bertujuan membina kearah identiti nasional, serta memupuk keharmonian di kalangan rakyat berbilang bangsa. Prinsip DKK adalah seperti berikut:

1. Bahawa kebudayaan kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal di rantau ini.
2. Bahawa unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan.
3. Bahawa Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan itu. Agenda utama adalah pembentukan senibina beridentiti berdasarkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Pada umumnya DKK merupakan satu strategi 'meMalaysiakan' negara ini. Dalam aspek budaya harian, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dipertekankan. Walau bagaimanapun, penggubalan dasar serta strategi penetapan dasar memberi pelbagai reaksi negatif. Dua isu telah timbul; pertama, kebudayaan

yang mengutamakan identiti rakyat asal serta Islam dilihat sebagai isu prajudis perkauman yang tidak mencerminkan semangat toleransi. Kedua, meragui agenda politik kerajaan yang menetapkan pembentukan senibina secara paksaan 'top-down' adalah amalan yang kurang disenangi. Ini ditambah dengan rasa kurang yakin dengan kredibiliti pemimpin yang menjadi patron utama pembentukan senibina.

Perbincangan Pembentukan Senibina Malaysia

Idea membentuk senibina Malaya yang beridentiti telah dicetus seawal 1955 oleh Sir Gerald Templer dimana beliau berpendapat perlunya membentuk senibina Malaya yang beridentiti sendiri. Satu perbincangan meja bulat bertajuk *What is Malayan Architecture* telah diadakan di kalangan ahli *Federation of Malaya Society of Architects* (FMSA) yang pada ketika itu majoriti ahlinya terdiri daripada arkitek Inggeris. Antara yang telah dibicarakan adalah kebimbangan ide identiti berdasarkan sentimen yang cenderung kepada satu bentuk senibina saja. Perbincangan juga membicarakan kebimbangan terhadap Malaysia yang sangat mentah dari pelbagai segi, khususnya pemahaman tentang senibina yang masih terbatas.²

*"As the country is in early stage of development as regards to education, arts, etc. a situation exists where the common man cannot perhaps be relied upon to a sound judgment of what is acceptable in architecture either nationally or artistically"*³

Persoalan juga muncul sama ada Malaysia dapat menyiapkan diri dan tidak mengulangi kesilapan negara ketiga yang lain dalam kegopohan mendirikan bangunan awam dan kekurangan masa mencukupi untuk membina kematangan membuat keputusan.

Perbincangan mereka sebaliknya mencadangkan kearah pembentukan senibina yang bersesuaian dengan konteks setempat dalam kewarasan senibina moden dan menfaati dari pengajaran senibina perkahwinan/hybrid. Sehubungan itu, arkitek dituntut agar memahami peranan sosialnya, memahami aspek sejarah vernakular, aspek bahan dan teknologi tempatan dan kesesuaian dengan budaya hidup

penghuni. Peranan tukang dan pengukir tradisional perlu dipupuk sebagai sebahagian dari profesion industri binaan, di mana unsur hiasan dikekalkan, asalkan digunakan dalam cara yang logik dan berfungsi.⁴

Walau bagaimanapun, perbincangan intelektual isu senibina Malaya tidak diambil serius berikutan kesuntukan pembangunan pesat dua dekad pertama kemerdekaan. Perbincangan intelektual di kalangan profesyen sebegini terbantut ketika peralihan FMSA kepada Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada tahun 1967 dan juga peralihan majalah rasmi PETA digantikan kepada Majalah Arkitek. Isu pertama Majalah Arkitek hanya diterbitkan pada 1971, iaitu selepas lapan tahun majalah PETA dihentikan, manakala artikel yang memaparkan wacana intelektual hanya muncul dalam keluaran 1975. Duabelas tahun 'beku intelek' dibandingkan dengan duabelas tahun pembangunan fizikal tergesa-gesa menghasilkan ketidakseimbangan dimana keutamaan diberi kepada aspek pembangunan fizikal yang mengeneipkan isu manusia, budaya dan sejarah.

Sahutan Regionalisme dalam Senibina Era Moden Awal Merdeka: Tradisi Fungsionalisme Mesin Le Corbusier dan Mies van der Rohe


Dalam era awal moden, pendekatan Fungsionalisme Mesin datangnya dari tradisi Le Corbusier dan Mies van der Rohe yang wujud pada awal kurun ke-20 di Eropah.⁵ Tradisi Le Corbusier memanfaatkan fahaman fungsionalisme mesin serta ekspresi teknologi dan bahan, khususnya konkrit. Ciri ketara tradisi ini adalah kesan ekspresi monumental dari bentuk konkrit seperti bumbung kantilever dan 'pier' melengkung. Bank Negara (1969:MAC) dan PJ Civic Centre (1977) mewarisi ciri monumental seperti Chandigarh dan Bazilia. Institusi pengajian seperti Dewan Tuanku Chanselor UM (1966:BEP), ITM (1977: JKR) dan UKM (1977: Kumpulan Senireka) memanfaatkan sifat permukaan semulajadi konkrit *betun brutt*, '*bush hammering*'. Penggabungan dengan bata memberikan ciri brutalisme yang tahan lasak cuaca serta matang dengan baik. Variasi *brise soleil*, skrin kekotak serong konkrit (*egg crate concrete screen*) berfungsi sebagai penyesuaian Tropika, malah memberi variasi kepada estetik moden bahasa kubisme. Hospital Besar Kuala Lumpur, (1966-71: Wells & Joyce) memiliki variasi menarik ini. Ide penempatan bandar angkasa Unite d'Habitation juga terpamer dalam perumahan Suleiman Court Complex (1958:

Housing Trust) dan juga Pangsapuri Jalan Tuanku Abdul Rahman(1969:KL City Hall).



Dewan Tuanku Chanselor, Universiti Malaya (1966:BEP)

Tradisi Mies dapat dikenali dari bentuk segi empat ringkas yang bebas dari hiasan, ciri tingkap reben yang lahir dari teknologi pasang siap serta warna paling asas iaitu warna semulajadi atau putih. Fasa awal tradisi ini mempamerkan kewarasan penyesuaian lingkungan Tropika dan menepati fungsi ekonomi, fungsi program dan fungsi lingkungan tropika yang efisien, serta jujur dari segi ekspresi. Bangunan Pejabat Standard PWD (PWD/Shiple) contohnya disusun satu lapis, membolehkan pengudaraan silang berlaku menerusi tingkap sepanjang blok ini. Koridor berfungsi sebagai perantaraan yang memberi perlindungan tambahan dari matahari dan hujan. Dalam rekaan bangunan The Chartered Bank (1964: BEP) unjuran peneduh yang cukup panjang dicapai dengan teknologi kantilever, dimana alang penyokong ditegaskan sebagai artikulasi gubahan moden. Satu lagi ciri perlindungan tropika tradisi ini kaedah lapisan skrin, sama ada dari logam, contohnya Bangunan EPF (1962: BEP Meyer); ataupun dari konkrit siap cetak, contohnya Angkasapuri, Menara Parlimen (1963: PWD Shipley).



Bangunan Pejabat PWD/JKR

Regionalisme dan Tradisi Seni Bina Organik Frank Lloyd Wright

Frank Lloyd Wright telah disifatkan oleh ahli sejarawan seni bina sebagai salah seorang 'genius' yang terpenting dalam aspek prinsip estetik dan reka bentuk moden kurun ke dua puluh. Prinsip reka bentuk 'organik' yang mementingkan keseimbangan di antara alam semulajadi dan rekaan manusia telah memberi nafas baru dan falsafah penting bagi arah seni bina Amerika Syarikat dan di serata pelusuk dunia. Beliau juga terkenal dengan pemikiran inovatifnya dari aspek sistem kerangka kayu dan konkrit serta integrasi kemudahan bangunan. Beliau juga berjaya mencetuskan suatu kaedah abstraksi ornamen berasaskan dari tumbuh-tumbuhan dan elemen-elemen semulajadi yang lain. Di masa arkitek Eropah terpesona dengan 'Seni bina Putih' yakni bercirikan estetik mesin, Wright mereka bentuk bangunan yang bergaya tradisi atau pun vernakular yang lebih sensitif kepada lokasi setempat.

Frank Lloyd Wright dilahirkan di Wisconsin pada tahun 1867. Bapanya seorang paderi Kristian. Ibunya seorang suri rumah yang berpelajaran. Semasa kecil ibunya telah menggunakan suatu sistem pendidikan tadika yang canggih, iaitu dengan menggunakan blok-blok mainan Froebel. Bentuk-bentuk yang terhasil dari mainan ini dikatakan banyak mempengaruhi Wright. Wright telah dibesarkan di dalam kawasan perkampungan Amerika tengah dengan padang yang luas dan dikelilingi tumbuh-tumbuhan dan bukit-bukau. Suasana dan pemandangan alam semulajadi ini mempengaruhi beliau pada waktu dewasa untuk mengolah suatu prinsip reka bentuk seni bina Organik. Beliau juga banyak terpengaruh dengan sajak-sajak Walt Whitman yang mengarang tentang kebebasan.⁶

Gayarupa Seni bina Prairie adalah nama yang telah diberikan kepada reka bentuk segelintir arkitek Amerika yang mementingkan bahasa seni bina vernakular Amerika dengan menggunakan bahan binaan seperti batu bata dan kayu yang berbeza dengan orang Eropah yang mula menggunakan konkrit, keluli dan kaca seluas-luasnya. Gaya ini juga berbeza dengan gaya Ecole des Beaux Arts yang mementingkan penggunaan batu dan kemas marmar serta reka bentuk bersimetri. Reka bentuk Rumah Robie (1908) dan Ward Willitts (1902) merupakan suatu sintaksis estetik seni bina yang amat menarik sehingga ke zaman ini.

Ciri-ciri utama reka bentuk seni bina organik yang dipelopornya adalah seperti berikut. Pertamanya komposisi elemen dan 'proportion' bangunan yang mendatar yang menggunakan garisan dataran yang terserlah. Garis datar ini dikatakan mempunyai simbol dataran padang Prairi serta bebas. Wright berpendapat bahawa hanya kehidupan Prairie yang mempunyai vista luas, alam semulajadi dan kebebasan berladang merupakan sifat individualisme yang menjadi impian segenap rakyat Amerika yang mempunyai kebebasan demokrasi terunggul di dunia. Bangunan yang mempunyai komposisi mendatar ini menghormati alam dan bahan binaan kayu serta batu menghasilkan tunjangan kukuh bangunan pada tanah seperti akar pokok tersergam gagah. Keduanya adalah penggunaan bahan binaan kayu serta batu yang tahan cuaca dan yang dihasilkan secara semulajadi. Ketiga, bumbung yang luas menutupi kawasan dalaman serta tunjangan perapian memberi simbol kekukuhan keluarga. Keempatnya pelan lantai yang terbuka tanpa banyak dindingan pembahagi ruang memberi simbol kebebasan demokrasi, kemudahan pergerakan dan pencahayaan yang terang. Kelimanya bangunan yang mempunyai tapak atau yang kelihatan kukuh memberi gambaran sebatang pohon yang berakar tunjang yang dalam. Keenam adalah penggunaan lebih dari satu paksi pada reka bentuk pelan bangunan. Kepelbagaian paksi ini menjadikan rumah itu seolah-olah menjalar pada keseluruhan tapak dan membenarkan pertumbuhan bangunan sambungan tanpa merosakkan komposisi asal. Penggunaan banyak paksi juga membenarkan banyak taman dalaman yang boleh digunakan dan kewujudan tingkap serta pembukaan lain yang mengarah kepada taman. Wright telah membina berpuluh-puluh rumah kediaman dengan bahasa seni bina organik sedemikian.

Selain daripada memelopori prinsip seni bina organik, Wright juga telah dikatakan mencetus pergerakan Kubisme dan De Stijl di Jerman apabila hasil kerja beliau dipamerkan di sana pada awal kurun ke-20. Kubisme dan De Stijl merupakan pendekatan inteligensia Eropah yang menolak seni bina autokratik Ecole de Beaux Arts. Kebangkitan Kubisme dan De Stijl bangun selari dengan kebangkitan revolusi sosialisme dan komunisme di benua itu. Bangunan Unity Church (1906) dan Bangunan Pejabat Larkin (1904) adalah dua contoh utama bahasa seni bina yang diklasifikasi oleh sejarawan sebagai kubisme. Bangunan Unity Church merupakan satu-satunya bangunan pada waktu itu yang menggunakan konkrit tetulang sebagai

sistem kerangka dan dinding. Pada waktu itu arkitek tidak menyukai bahan binaan ini kerana ia dianggap kasar dan hanya layak bagi pembinaan jambatan sahaja. Wright bukan sahaja menggunakan bahan itu bagi sistem kerangka terunjur, beliau telah membiarkan konkrit kasar itu sebagai kemasan luaran. Rupa bentuk keseluruhan bangunan berupa kiub-kiub yang terpancar dari sebuah kiub ibu. Hiasan ornamen dalaman pula mirip pada seni bina garis lurus ini dengan ornamen-ornamen garisan seperti lukisan-lukisan Piet Mondrian di Eropah. Setiap elemen seni bina seperti tangga dan tingkap diberi 'personaliti' tersendiri seperti badan manusia dan ciri ini memberi ekspresi unik kerana pada kebiasaannya elemen seperti tangga disorok ke dalam dan tingkap hanyalah merupakan lubang-lubang pada dinding. Pada reka bentuk Bangunan Pejabat Larkin, Wright menggunakan 'seni bina demokratik'nya dengan mereka pelan yang terbuka dan mendapat pencahayaan terus dari bumbung yang menutupi 'telaga cahaya' ini. Para pekerja berkhidmat di tengah-tengah lantai bangunan dan dikelilingi oleh lantai-lantai tingkat lain yang mempunyai pandangan terus ke kawasan tengah itu. Kesemua perabut direka bentuk khas untuk bangunan ini dan segala kemudahan asas bangunan seperti sistem air dan pemanas diintegrasikan dengan bangunan dan tidak diasingkan. Reka bentuk pelan pejabat ini telah diikuti ramai arkitek pada tahun-tahun 50-an hingga ke hari ini.


Pada tempoh 23 tahun selepas 1936, Wright menghasilkan kerja-kerja yang boleh disifatkan sebagai 'organik strukturalisme'. Bangunan-bangunan seperti Rumah Kediaman Fallingwater (1936), Bangunan Pejabat Johnson Wax (1936), Menara Price 1953, Bangunan-Studio Taliesin Barat (1938) dan Muzium Guggenheim (1959) kesemuanya menggambarkan perkembangan Wright dalam seni bina organik primitif dan kehebatan penggunaan kerangka konkrit tetulang. Dari sudut strukturalisme, Wright menggunakan konkrit tetulang sebagai sistem kerangka terunjur seperti pohon dan dahan-dahannya. Bangunan-bangunan Fallingwater, Menara Johnson dan Menara Price mempunyai teras konkrit dan lantai terunjur. Tiang cendawan konkrit terunjur telah dipelopori oleh Wright pada bangunan pejabat Johnson Wax yang mana para jurutera kerangka pun tidak berani mencadangnya.

Dari aspek seni bina organik primitif, Wright gemar menggunakan bahan-bahan semulajadi terutamanya batu dan kayu. Pada Kediaman Fallingwater, bahagian

perapian dan kemas lantai bangunan diperbuat dari batu-batu yang seolah-olah 'tumbuh' dari kawasan tapak secara semulajadi. Kediaman-Studio Taliesin Barat juga menggunakan bahan batu padang pasir yang dicampuri simen sebagai pentas bangunan dan bahan kayu berkerangka kukuh (*rigid frame*) sebagai sistem perentang. Kesan penggunaan bahan-bahan ini menjadikan bangunan itu tahan cuaca dan juga memberi imej bahawa ia adalah sesuatu yang hanya unik pada tempatnya. Sifat sedemikian amat secocok dengan nilai-nilai seni bina demokratik yang mementingkan keserasian persekitaran daripada keperluan individualistik kepimpinan serta patron.



Taliesin West, Arizona, Frank Lloyd Wright



Fallingwater, Frank Lloyd Wright

Adaptasi Prinsip Reka Bentuk Frank Lloyd Wright pada Seni Bina Malaysia

Tradisi senibina Organik Frank Lloyd Wright berpotensi menjalin hubungan fizikal, emosional dan intelektual dengan tapak dan daerah lingkungannya. Pendekatan Organik Primitif cenderung kepada sahutan pasif terhadap iklim, memilih teknologi sesuai (walaupun tidak semestinya canggih), kembali kepada bahan dan seni kraf setempat serta menitikberatkan budaya manusia sebagai subjek hunian. Pendekatan Organik Strukturalisme mengembangkan teknologi kerangka sedia ada dengan bijak.

Adaptasi prinsip rekabentuk Organik Primitif dalam senibina awal moden di Malaysia secara umumnya ketara dalam senibina domestik. Dalam rekabentuk kediaman arkitek Kington Loo (1958) di Bukit Kenny, hubungan *genius loci* tapak dengan geometri rangka kotak konkrit terpaut dimana perletakan kediaman di antara dua cerun yang menghijau memberi kesan seolah-olah sarang burung tropika. Geometri kotak konkrit diserongkan membentuk bumbung cerun pisang sesikat yang lazim dalam binaan vernakular. Geometri yang mengunjur condong ke hadapan menempatkan balkoni dan tingkap teduh merupakan satu inovasi bentuk dan ruang dari teknologi konkrit.

Rumah Hexagon pula (1971: Lai Kok Kun) memperlihatkan inovasi pembinaan tradisional kayu kepada teknik pembinaan zaman industrial, iaitu teknik komponen pasang siap dalam modular bentuk heksagon, seperti ide Bucksminster Fuller. Dalam masa yang sama kediaman ini menerapkan konsep hunian berpanggung amalan tradisional dan rekabentuk ini berjaya membuahkan keharmonian antara persekitaran semulajasinya. Kesannya pengalaman budaya setempat dalam olahan senibina baru yang mencerminkan zaman moden.

Usaha meningkatkan bahan kayu dan teknologi pertukangan kayu dilakukan dalam PAM Timber Exhibition 1977. Selain itu pameran ini juga merupakan usaha mengembalikan kepopularitian penggunaan kayu yang semakin berkurangan kerana prajudis tidak tahan lama serta kegiatan mengeksport kayu yang baik ke luar negara. Dalam pameran ini, beberapa eksperimen menterjemah prinsip pertukangan kayu ke dalam tipologi kontemporari telah dihasilkan, antaranya adalah rekaan Goh Hock Guan, Hajeedar dan Lai Kok Kun. Selain dari pameran rumah kayu, satu prototaip

perumahan MARA diperkenalkan dengan menggunakan bahan kayu secara pasang siap untuk mempercepatkan tempoh binaan. Kayu juga digunakan dalam eksperimen projek Skim Perumahan Teres Gunung Rapat yang direka berdasarkan prinsip kediaman Melayu, iaitu berpanggung, memiliki serambi dan anjung tangga. Ruang dapur dibina atas tanah, membolehkan ruang kediaman utama mendapat pengudaraan terus dari bukaan berjaring di bawah bumbung.




Perumahan Teres Gunung Rapat

Selain daripada senibina kediaman, tradisi Wright dalam era awal moden dapat dilihat dari rekaan binaan lain seperti katedral, masjid, klinik dan lapangan terbang. Dalam rekaan Katedral Katholik Kuching (1968: BEP) bentuk garisan bumbung cerun telah dijadikan ekspresi utama, satu pembaharuan kepada senibina katedral yang konvensional yang mengfokus kepada permukaan dinding.


Dalam rekaan prototaip Klinik Desa (JKR), tradisi budaya hunian FLW diterjemahkan semula dalam menyediakan kemudahan tempat merawat masyarakat desa yang terpencil. Penyelesaiannya adalah binaan berpanggung, yang dilengkapi dengan serambi menunggu yang luas memberi keselesaan kepada para pengunjung, biasanya ibu dan anak beramah mesra sementara menanti giliran rawatan. Konsep serambi terbuka sesuai kepada budaya masyarakat desa kerana konsep mesra rekaannya. Kemesraan ini ditambah dengan bidan kerajaan atau jururawat yang tinggal dalam kompleks yang sama.

Adaptasi prinsip Organik Strukturalisme dalam era awal moden menghasilkan senibina Ekspresionisme. Pendekatan ini memanfaatkan fungsi utilitarian, teknologi, bahan moden sebagai aset utama untuk menonjolkan ekspresi wilayah. Tradisi ini terbahagi kepada pendekatan Simbolisme-Strukturalisme dan Fungsionalisme-Tradisionalisme.

Pendekatan Simbolisme-Strukturalisme menegaskan ide simbolisme menerusi ekspresi kerangka. Masjid Negeri Sembilan (1967: MAC) merupakan ide simbolisme sembilan kubah konoid mewakili sembilan suku bangsa di Negeri Sembilan. Kekubah cengkerang konoid juga dirujuk sebagai simbol bentuk tanduk kerbau yang banyak dipaparkan dalam bumbung tradisional Minangkabau. Ekspresi kerangka cengkerang hyperbolic parabolic dan tiang cendawan Lapangan Terbang Antara Bangsa Subang pula (1963: BEP) mengimbau pengalaman lanskap setempat, iaitu laksana berada di bawah teduhan hutan khatulistiwa. Ekspresi ini juga dikaitkan dengan payung pelindung. Barisan tiang moden ini juga dikaitkan sebagai simbol demokrasi manusia. Bumbung podium Bangunan Parlimen (1963: PWD Shipley) yang mengekspresikan konkrit precast berlipat berbentuk tiga segi runcing dikaitkan sebagai simbol kecerunan bumbung tradisional. Selain dari fungsi simboliknya, bumbung ini mengwujudkan ciri istimewa kepada ruang dewan persidangan. Permukaan bangunan podium dan menara dilapisi elemen skrin konkrit berbentuk 'armadillo', satu ekspresi fungsionalisme yang melindungi dari panas dan hujan.



Masjid Negeri, Negeri Sembilan



Bangunan Parlimen


Rekaan Masjid Negara (1965: PWD Ashley/Baharudin/Hisham Al Bakri) merupakan ekspresi Symbolisme-Strukturalisme wilayah yang baik. Dalam rekaan masjid ini, nilai budaya dan nilai masyarakat Islam diangkat dalam binaan moden yang berbahasa sederhana. Selain daripada menterjemahkan pernyataan fungsi budaya perhimpunan jemaah untuk beribadah, prinsip penyatuan dalam Islam diekspresikan menggunakan bumbung plat konkrit lipat. Ide besar di sini adalah transformasi prinsip pemusatan kubah/bumbung meru menggunakan teknologi konkrit berlipat. Ide ini juga dikaitkan dengan analogi payung. Selain itu, ruang serambi yang lazim dalam budaya hidup tradisional diterapkan mengelilingi ruang utama dalam konsep moden 'pelan terbuka'. Selain menawarkan atmosfera kasual, serambi ini boleh menampung jemaah yang lebih ramai pada waktu-waktu tertentu. Dinding lubang kisi-kisi konkrit melindungi serambi dari anasir cuaca serta membolehkan pengudaraan berlaku dengan baik.



Masjid Negara

Pendekatan Fungsionalisme-Tradisionalisme mendokong semangat fungsionalisme moden dan dalam masa yang sama mengekalkan ciri tradisional. Pendekatan ini menggabung tipologi rumah tradisional Melayu dengan rasional teknologi baru untuk jenis bangunan baru. Bangunan British Council (1956: PWD Duncan) merupakan transformasi bumbung panjang tradisional yang disesuaikan dengan teknologi konkrit dan dinding *infill*. Ciri perabung panjang ditekankan menggunakan tulang konkrit yang diberi sentuhan melentik. Teknologi tiang dan alang konkrit tetulang diselangi dengan dinding kaca di aras bawah memberi kesan seolah ruang bawah rumah berpanggung. Walaupun menggunakan bahan dan teknologi baru, skala tradisional dikekalkan dengan mengawal saiz kadaran bukaan dan dinding. Rekabentuk ini digunakan dengan meluas dalam beberapa prototaip pejabat majlis tempatan dengan variasi menggunakan teduhan konkrit vertikal dan horizontal.

A&W Drive-in Restaurant (1967:MAC) merupakan satu lagi contoh pendekatan fungsionalisme-tradisionalisme. Ciri bumbung tradisional, iaitu garisan perabung dan tumpu kasau diberi kesan tegas menggunakan rasuk konkrit. Dalam rekaan Museum Negara (1963: Ho Kwong Yew & Ho Kok Kong), elemen identiti tradisional seperti bumbung dan hiasan tradisional digabungkan dengan ide binaan monumental dari prinsip perancangan klasikal dan teknologi konkrit.



Muzium Negara

Kesimpulan

Regionalisme merupakan pendekatan yang mempunyai potensi besar dalam menangani kemelut wacana identiti yang sering terperangkap dalam pendekatan

ethno-centric. Sebagai negara berbilang kaum dan tradisi regionalisme memberi laluan khusus bagi suatu arah yang menjanjikan seni bina berasaskan iklim setempat, universal, dinamik dan mempunyai imej serumpun kedaerahan. Apa yang menyedihkan masa kini adalah persepsi bahawa modenisme dalam seni bina sebagai 'terkubur' dan pendekatan '*state-of-the-art*' adalah strukturalisme mesin atau revivalisme eksotik. Wacana regionalisme asal dan eksperimentasi arkitek pada tiga dekad antara 1950-1980 harus dikaji dengan teliti dan tidak patut dibiarkan begitu sahaja. Generasi arkitek yang kontemporer kebanyakannya tidak langsung mengetahui asal usul regionalisme dan tidak sekali mengendahkan tokoh-tokoh tempatan yang memelopori ujian awal pendekatan ini. Deskripsi ringkas secara tinjauan luas belum mampu mendalami setiap ide bernas yang terdapat pada bangunan-bangunan atau individu-individu berwawasan. Usaha akademik yang lebih giat amat diperlukan bagi mengembangkan wacana ini agar pengalaman pelopor ini tidak hilang dimakan zaman.

Nota:

-
- ¹ Curtis, 1982.
 - ² 'What is Malayan Architecture', PETA vol 3 no 4, 1961.
 - ³ Raymond Honey dalam perbincangan 'What is Malayan Architecture'.
 - ⁴ Siri artikel PETA 1955-1963 *Towards Malayan Architecture*, memaparkan senibina vernakular setempat seperti rumah Sakai, rumah tradisional, binaan kayu Malaya dan juga bangunan penempatan China.
 - ⁵ Walaupun tradisi ini boleh dikatakan berasal dari tradisi Augustus Pugin dan Violet-le-duc pada pertengahan kurun ke-19, Mies dan Corbu merupakan dua individu yang mempopularkan tradisi ini.
 - ⁶ Blake, 1960.

Rujukan

- Blake, Peter (1960). *The Master Builders*. New York: Alfred A Knopf.
- Blake, Peter (1974). *Form Follow Fiasco*. USA: Atlantic Little, Brown Books.
- Braun, Hugh (1974). *Historical Architecture: The Development of Structure and Design*. London: Faber and Faber Limited.
- Campbell, Joan (1978). *The German Werkbund: The Politics of Reform in the Applied Arts*. New Jersey: Princeton University Press.
- Chee Yoong, Chan (1978). *Post-Merdeka Architecture Malaysia: 1957-1987*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Arkitek Malaysia.
- Clark, Robert Judson (1972). *Art and Crafts Movement in America 1876-1916*. Princeton: Princeton University.
- Corbusier, Le (1925). *The Decorative Art of Today*. Massachusetts: The MIT Press.
- Corbusier, Le (1962). *Vers Une Architecture: Architecture of Pure Creation of the Mind*.
- Cumming, Elizabeth (1991). *The Art and Craft Movement*. London: Thames and Hudson.
- Curtis, William JR (1982). *Modern Architecture since 1900*. Oxford: Phaidon Press Ltd.
- Fee, Chen Voon (ed) (1998). *The Encyclopedia of Malaysia: Vol 5 Architecture*. Singapore: Didier Millet.
- Frampton, Kenneth (1980). *Modern Architecture; a Critical Theory*. London: Thames
- Jencks, Charles (1973). *Modern Movements*. Oxford: University Press.
- Jencks, Charles (1977). *The Language of Post-Modern Architecture*. New York: Rizzoli International Publication Inc.
- Jencks, Charles (1985). *Symbolic Architecture*. New York: Rizzoli International Publication Inc..
- Jencks, Charles (1988). *The Prince, The Architect and New Wave Monarchy*. London: Academy Editions.
- Pertubuhan Akitek Malaysia (1987). *Post-Merdeka Architecture 1957-1987*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Akitek Malaysia.
- Peter, John (1958). *Masters of Modern Architecture*. New York: George Braziller Inc.

Pevsner, Nikolaus (1936). *Pioneers of Modern Architecture*. Middlesex: Penguin Books.

Proceedings of an International Seminar: Sponsored by the Aga Khan Award for Architecture and The Indonesian Institute of Architect 15-19 October 1990, *Expressions os Islam in Buildings*, Jakarta & Yogyakarta: Aga Khan Trust for Culture on Behalf of The Aga Khan Awrd for Architecture.

Proceedings of Modern Asian Architecture Network 2nd International Conference: *Towards Modern Asian Architecture*, Singapore 4-6 September 2002, Centre for advanced Studies in Architecture, Department of Architecture, School of Design and Environment, National University of Singapore.

Richard, J.M. (1940). *Introduction to Modern Architecture*. Middlesex: Penguin Books Ltd

Tajuddin M Rasdi,. Mohd (2001). *Identiti Seni Bina Malaysia: Kritikan Terhadap Pendekatan Reka Bentuk*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Tajuddin M Rasdi. Mohd (2003). *KALAM Papers: Crisis in Public Architecture*. Johor Bahru: Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM).

The Aga Khan Program for Islamic Architecture (1988). *Theories and Principles of Design in the Architecture of Islamic Societies*. Massachusetts: Harvard University Press.

Uhfelder, Eric (1998). *The Origins of Modern Architecture*. New York: Dover Publication.

Watkin, David (1980). *The Rise of Architectural History*. London: The Architectural Press.

Willard, Charlotte (1972). *Frank Lloyd Wright: American Architect*. New York: The Macmillan Company.

Wolfe, Tom (1981). *From Bauhaus to Our House*. New York: Bantam Books.

Wright, Frank Lloyd (1943). *An autobiography by Frank Lloyd Wright*. New York: The Frank Lloyd Wright Foundation.

Yeang. Ken (1992). *The Architecture of Malaysia*. Kuala Lumpur: The Pepin Press.